

KESULTANAN MELAYU MELAKA

Mardiana Nordin
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya

Pengenalan

Mempelajari sejarah bukanlah satu proses menghafal fakta semata-mata. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa pembelajaran sejarah adalah proses bagi mendapatkan ilmu pengetahuan dan fakta sejarah melalui daya ingatan. Pelajar perlu menghafal dan mengingat maklumat yang diajarkan oleh guru atau yang dibacanya dari buku. Kemudian pelajar perlu mengingat kembali maklumat-maklumat tersebut. Pandangan seumpama ini sudah tidak relevan. Sejarah bukan sekadar diingati tetapi juga difahami. Apabila memahami apa yang dipelajari, pelajar seharusnya boleh mengungkapkan semula apa yang dipelajari, didengar dan dibaca, menukarkan perkataan dengan perkataan lain (dengan tidak mengubah makna) dan membandingkan satu maklumat dengan maklumat lain.

Di dalam sukatan pelajaran sejarah yang terkini (*Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran - DSKP*, bagi KSSM), pengajaran dan pembelajaran sejarah diharap akan melahirkan seorang murid yang arif dan peka sejarah. Ilmu tersebut juga dapat menyediakan mereka menghadapi cabaran masa depan dengan memahami dan menghayati peristiwa di dalamnya. Justeru, tidak memadai dengan sekadar memahami, pelajar juga diharap boleh berfikir pada aras yang tinggi. Dalam pemikiran aras tinggi seseorang pelajar yang menerima maklumat baru akan menyimpan maklumat tersebut dalam memori dan disusun semula serta dikaitkan antara satu dengan lain. Seterusnya maklumat ini diperluaskan untuk mencapai satu tujuan atau mendapatkan kemungkinan jawapan kepada situasi yang lain. Selain itu, pelbagai tujuan boleh dicapai melalui pemikiran aras tinggi seperti menentukan kepercayaan, menentukan apa yang perlu dilakukan, menghasilkan satu idea baru, satu projek baru atau ekspresi kesenian, membuat jangkaan serta menyelesaikan masalah yang bukan rutin.

Sejarah memberikan penekanan kepada pembangunan sahsiah murid di samping pemupukan nilai-nilai keperibadian mulia dan semangat kewarnegaraan dan dapat menjadikan pengajaran daripada sejarah sebagai iktibar untuk membina kesedaran kebangsaan serta cintakan negara.¹

Kesultanan Melayu Melaka dalam Sukatan Pelajaran

Secara asasnya, aspek Kesultanan Melayu Melaka bukanlah merupakan satu topik besar di dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan 5,tidak seperti yang terkandung di dalam *Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan 1* (bagi KBSM) atau *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 2* (bagi KSSM). Di dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan 1 KBSM, sejarah Kesultanan Melayu Melaka menjadi topik awal yang diperincikan dengan mendalam meliputi hampir semua aspek perbincangan iaitu dari pengasasan hingga kejatuhanya. Aspek ini yang diletakkan di dalam Tema Pertama (Zaman Prasejarah Dan Keagungan Kesultanan Melayu Melaka) disebut,


Tema ini menyentuh kemunculan masyarakat prasejarah dan kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara sebagai latar belakang kepada kemunculan Kesultanan Melayu Melaka. **Kesultanan Melayu Melaka menjadi sebuah kerajaan yang kuat di Gugusan Kepulauan Melayu pada kurun ke-15 dan awal kurun ke-16. Pada zaman kegemilangannya, Kesultanan Melayu Melaka telah membina satu tradisi politik, ekonomi dan budaya yang kekal diwarisi sehingga kini.** Kegemilangan dan kemakmurannya telah menarik minat Portugis datang ke Melaka dan menawan Melaka pada tahun 1511. (Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan 1)

Penekanan di dalam ayat (seperti yang dihitamkan di atas), membawa kepada pembelajaran yang terkandung di dalam Sejarah Tingkatan 5.

Keutamaan topik juga tergambar jelas di dalam carta aliran pengajaran Sejarah Tingkatan 1 sebagaimana berikut.

¹ Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah, Sejarah: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*, hlm. 2.

Carta Aliran
Tema Zaman Prasejarah dan Keagungan Kesultanan Melayu Melaka
Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan 1 (KBSM)




Kepentingan Kesultanan Melayu Melaka tersebut menjadi akar kepada di Tema 2 (Kesultanan Melayu Melaka Menjadi Asas Kerajaan Masa Kini), yang membuktikan Kesultanan Melayu Melaka dijadikan asas kepada perkembangan sejarah selanjutnya. Seperti yang dicatatkan,

Tema ini memfokuskan Kerajaan Melayu Johor yang **menegakkan semula kewibawaan Kesultanan Melayu Melaka**. Seterusnya, tema ini mengisahkan kewujudan Kerajaan-kerajaan Melayu lain yang **mewarisi kegemilangan** Kesultanan Melayu Melaka seperti Perak dan Pahang. Selain daripada itu, dibincangkan juga beberapa kerajaan lain yang telah **mengadaptasi corak pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka dalam pentadbiran kerajaan** di Selangor, Kedah, Terengganu dan Kelantan.(Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan 1, KBSM)

Keutamaan itu sekali lagi dapat difahami melalui carta alirannya seperti di bawah.

Carta Aliran
Kesultanan Melayu Melaka Menjadi Asas Kerajaan Masa Kini
Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan 1 (KBSM)



Hadirnya aspek ini di dalam sukanan Sejarah Tingkatan 1, telah cukup membuktikan bahawa Kesultanan Melayu Melaka merupakan perkara yang mesti difahami dengan jelas seawal-awal pemahaman sejarah tanah air. Bukan itu sahaja, sejak tajuk ini diperkenalkan di sekolah rendah (pelajar tahun 4), pada tahun 2014, Kesultanan Melayu Melaka juga menjadi topik yang dimuatkan di dalam silibus, walaupun lebih memfokuskan kepada tokoh-tokoh dari kesultanan ini di dalam topik ke-5 nya.

Di dalam sukanan pelajaran Sejarah Tingkatan 5, aspek Kesultanan Melayu Melaka dimasukkan sebagai item atau pembuktian terhadap asas pembentukan ‘negara bangsa’ di dalam negara di bawah topik 3, Kesedaran Pembinaan Negara Bangsa. Di dalam buku teks dicatatkan,

3.2 Kesultanan Melayu Melaka – Asas Pembentukan Negara dan Bangsa


Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 merupakan asas pembinaan negara dan bangsa kita. Peradaban dan peraturan kenegaraan kerajaan ini tercatat dalam *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin* karangan Tun Seri Lanang yang merupakan dokumen historiografi Melayu terpenting. Kesultanan Melayu Melaka telah mempunyai masyarakat yang tersusun, berperaturan serta mempunyai sistem pentadbiran dan politik yang tersendiri. Kesultanan Melayu Melaka banyak meninggalkan pelbagai kesan warisan sosiopolitik dalam sistem pemerintahan negara kita. (Buku Teks Sejarah Tingkatan 5, hlm. 74)

Untuk menjelaskannya dengan lebih komprehensif, sukanan pelajaran sejarah tingkatan 5 menyatakan,

Tema ini memfokuskan konsep negara dan bangsa melalui rentetan - peristiwa di Malaysia. Konsep pembinaan negara dan bangsa juga berlaku di Eropah melalui pembentukan Negara Jerman dan Itali. **Sejarah pembinaan negara Malaysia bermula dari zaman Kesultanan Melayu Melaka.** Kesinambungan pembinaan negara dan bangsa Malaysia dapat dilihat dengan jelas pada zaman kerajaan Johor dan Terengganu dengan perlumbagaan bertulisnya, kerajaan Kelantan dengan sistem Jemaah Menterinya dan Negeri Sembilan dengan prinsip demokrasi dan konsep persekutuan..... (Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan 5)

Carta aliran bagi tema ini boleh memberi lebih kefahaman tentang kedudukan sejarah Kesultanan Melaka sebagai sebahagian unsur yang memberi impak terhadap pembangunan negara bangsa.

Carta Aliran
Kesedaran Pembinaan Negara Bangsa
Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan 5



Sebagaimana yang dinyatakan di atas, di dalam buku teks Sejarah Tingkatan 5, aspek ini terkandung di bawah tajuk 3.2 ‘Kesultanan Melayu Melaka – Asas Pembentukan Negara dan Bangsa’. Oleh itu, penekanan meliputi aspek ciri-ciri negara bangsa moden yang telah dimiliki oleh Kesultanan Melayu Melaka. Perbincangan menjurus kepada ciri-ciri tersebut iaitu, wilayah, kedaulatan, perundangan, rakyat, lambang dan sistem berkerajaan.

Pendekatan huraian bagi aspek Kesultanan Melayu Melaka di dalam sukatan pelajaran dan buku teks Sejarah Tingkatan 1 merupakan suatu pendedahan menyeluruh kepada pelajar untuk memahami dan mengenali Kesultanan Melayu Melaka sejak awal supaya kandungan di dalam Sejarah Tingkatan 5 dapat disesuaikan. Namun, setelah beberapa tahun pelajar biasanya terlupa atau kurang menguasai pengetahuan tersebut untuk dimanfaat dan disesuaikan dengan sukatan di dalam Tingkatan 5. Untuk membolehkan elemen mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta di dalam konteks Kesultanan Melayu Melaka ini, pelajar perlu tahu mengapa Kesultanan Melayu Melaka perlu dipelajari. Guru-guru juga boleh berkongsi sebanyak mungkin pengetahuan tentang kesultanan ini di luar daripada silibus dan kandungan buku teks untuk memantapkan pemahaman pelajar.

Kesultanan Melayu Melaka – signifikasi pembelajaran dan pengajaran

- i. Mengapakah penting mempelajari sejarah Kesultanan Melayu Melaka? Kesultanan ini adalah bukti ketinggian peradaban yang telah lahir di dalam negara sejak era sebelum kolonial lagi. Pelajar telah didedahkan tentang kelahiran beberapa Tamadun Awal di dunia seperti Tamadun Mesir, Tamadun Yunani, Tamadun Rom, Tamadun Mesopotamia, Tamadun India, Tamadun Indus, Tamadun China dan Tamadun Hwang Ho semasa tingkatan 4. Pelajar seharusnya berupaya meletakkan ketinggian Tamadun Melayu (dengan meletakkan Kesultanan Melayu Melaka) sebagai juga sebuah tamadun awal yang mempunyai ciri ketinggian peradaban. Fahaman ini boleh digunakan dalam

membentuk persoalan yang bersifat aplikasi, analisis dan menilai terhadap kelahiran rasa bangga terhadap negara, pengukuhan jati diri dan menghargai status kewarganegaraan masing-masing. Dalam ‘Kemahiran Pemikiran Sejarah’, elemen ini boleh memenuhi kemahiran membuat interpretasi dan membuat rasionalisasi.

- ii. Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebahagian daripada Alam Melayu. Adalah penting juga memberi kefahaman kepada pelajar bahawa negara-negara yang lahir hari ini adalah berdasarkan persempadanan moden. Konsep Alam Melayu diguna pakai sebelumnya kerana memperlihatkan persamaan geografi, bahasa dan sosiobudaya. Perkongsian ekonomi turut berlaku. Oleh itu, Kesultanan Melayu Melaka berdiri dalam era Alam Melayu masih bersifat pemilikan bersama. Dalam ‘Kemahiran Pemikiran Sejarah’, elemen ini boleh memenuhi kemahiran memahami kronologi.
- iii. Mengapakah sejarah berkerajaan di dalam negara sering bermula dengan pemahaman terhadap Kesultanan Melayu Melaka? Tidak dinafikan, sejarah berkerajaan di dalam negara kita telah bermula lebih awal dari Melaka. Telah ada juga catatan sejarah tentang kewujudan Kerajaan Kedah Tua dan Kerajaan Gangga Negara. Namun, oleh kerajan kekangan sumber (lihat pemahaman pelajar tentang sumber dalam silibus Tingkatan 1 sebelumnya), maka perbincangan tentang dua kerajaan ini sangat terhad. Dalam ‘Kemahiran Pemikiran Sejarah’, elemen ini boleh memenuhi kemahiran memahami kronologi dan meneroka bukti.
- iv. Apakah sumber utama yang menyokong pemahaman pendirian Kesultanan Melayu Melaka. (terutamanya sumber bertulis)
 - Sumber tempatan; *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, *Hukum Kanun Melaka*, *Undang-undang Laut Melaka*, *Hikayat Hang Tuah (?)*
 - Sumber Portugis
 - Sumber China

Dalam ‘Kemahiran Pemikiran Sejarah’, elemen ini tentu sekali memenuhi kemahiran meneroka bukti dan membuat interpretasi.

- v. Dalam membuktikan kedudukan Kesultanan Melayu Melaka sebagai asas pembentukan negara bangsa, pelajar perlu jelas bahawa kesultanan ini telah memiliki ciri-ciri asas (malah melangkaui batasan asas sehingga boleh ditafsirkan sebagai unik dan istimewa) sebuah negara bangsa. Aspek ini telah pun disentuh dengan baik di dalam buku teks misalnya,
- Wilayah penguasaan atau lebih dikenali sebagai ‘Empayar Kesultanan Melayu Melaka’. Buku teks mencatatkan,

Kesultanan Melayu Melaka mempunyai kawasan lingkungan pengaruh yang luas walaupun sempadannya tidak ditetapkan seperti sempadan negara moden. Empayarnya meliputi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan seluruh timur Sumatera.” (Buku Teks Sejarah Tingkatan 5, hlm. 75)²

- Memiliki unsur ‘daulat’ yang bukan sahaja disandarkan terhadap kerajaan malahan juga diri seseorang raja sehingga membolehkan para pemerintah Kesultanan Melayu Melaka memiliki wibawa sebagai sebagai seorang raja. Unsur daulat ini banyak dipaparkan di dalam *Sulalatus Salatin* sekaligus mencerminkan corak pemikiran masyarakat Melayu waktu itu dalam memandang ketinggian pemerintah dan kerajaannya.³ Catatan di dalam buku teks,

² Sultan Muzaffar Shah memulakan ekspedisi meluaskan empayar keluar dari Semenanjung Tanah Melayu. Sebelum itu baginda telah meluaskan jajahan takluk sehingga ke Kedah, Selangor, Muar, Pahang, Terengganu, Patani, Singapura dan Bentan. Baginda kemudian menakluk Rokan, Inderagiri dan Kampar. Sultan Mansor Shah meneruskan ekspedisi dengan menawan pula seluruh Perak, Pahang, Johor, Bernam termasuk juga Rupat, Siak, Jambi dan Bengkalis di Sumatera. Disambung pula oleh Sultan Alauddin Riayat Shah sehingga ke Kepulauan Lingga. Sultan Mahmud Shah pula mengukuhkan empayar Melaka sehingga ke Kelantan. Maklumat lanjut lihat A. Cortesao, ed. *The Suma Oriental of Tome Pires*, London: The Hankluyt Society, 1944, hlm. 244-264. Lihat juga Paul Wheatley, *The Golden Khersonese, Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula Before A.D. 1500*, hlm. 309-310.

³ Menganalisis dan menilai aspek kedaulatan ini juga memerlukan kefahaman terhadap konteks sejarah sezamannya. Sejarah Kesultanan Melayu Melaka perlu dinilai berdasarkan kacamata masyarakat dalam tempoh tersebut. Justeru, mengaplikasikan fahaman berhubung sejarah Kesultanan Melayu Melaka, khususnya unsur ‘daulat’ ini, tidak boleh dilihat dari ‘point view’ hari ini dan fahaman ‘daulat’ berdasarkan takrif semasa. Oleh kerana itu, teks Melayu seperti *Sulalatus Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah* misalnya, boleh dijadikan alat dalam memahami konsep daulat mengikut zamannya.

Kedaulatan merupakan kekuasaan tertinggi terhadap rakyat sesebuah wilayah dan kekuasaan ini tidak boleh dihadkan oleh mana-mana pihak. Kedaulatan juga merujuk pada kekuasaan yang dimiliki oleh sesebuah negara atau pemerintah. (Buku Teks Sejarah Tingkatan 5, hlm. 76)

- Sistem pentadbiran yang tersusun. Kesultanan Melayu Melaka terkenal dengan ‘Sistem pembesar empat lipatan’nya. Disusuli pula dengan fungsi empat pembesar utama yang sangat jelas dan menonjol. Bukan sekadar isu pentadbiran tetapi juga pemahaman bahawa kerja sama atau hubungan dua hala antara pemerintah dengan pentadbir merupakan penyumbang penting dalam pembentukan sebuah negara yang berjaya.
- Sistem perundangan. Kesultanan Melayu Melaka memiliki dokumen perundangan tersendiri. *Hukum Kanun Melaka* adalah merupakan undang-undang Melayu bertulis yang pertama dikenal pasti. Disusuli pula dengan *Undang-Undang Lautnya*. Keupayaan pemimpin dan masyarakat melahirkan sebuah naskhah perundangan juga bukti keupayaan masyarakat itu menerima satu sistem kawalan untuk menjamin keselamatan dan keharmonian hidup.
- Perkembangan Ilmu yang meliputi pelbagai aspek dengan mengidentitikan Melaka sebagai pencetus evolusinya seperti Bahasa Melayu sebagai bahasa *lingua-franca*, adat istiadat (contoh penggunaan warna kuning, bahasa istana dan yang seumpama dengannya), perkembangan, pemusatan dan penyebaran agama Islam, alat kebesaran, gelaran dan lain-lain, adalah cerminan bangsa yang memiliki daya keintelektualan yang tinggi. Buku teks memuatkan sebahagian daripada aspek ini dalam perbincangan ‘lambang negara’.
- *Sulalatus Salatin* ada mencatatkan, raja itu umpama pohon, rakyat umpama akar. Bermaksud, adalah mustahil pembentukan sebuah negara itu tanpa sokongan rakyatnya. Kesultanan Melayu Melaka adalah bukti sebuah peradaban yang

menyaksikan kerjasama antara rakyat dan pemerintah. Lahirnya konsep ‘taat setia’ juga menyumbang terhadap pembangunan negara.

Kesemua ciri-ciri asas di atas boleh diaplikasikan dengan unsur-unsur kekaguman terhadap tanah air, menghargai keunikan dan keistimewaan warisan negara, menghormati raja, menghormati pemimpin, menghormati dan patuh kepada undang-undang, sekaligus memupuk semangat patriotisme. Dalam ‘Kemahiran Pemikiran Sejarah’, elemen ini boleh memenuhi kemahiran membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi.

- vi. Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka tidak berakhir dengan kejatuhanya di tangan Portugis pada tahun 1511. Legasi kesultanan ini tidak putus malah berkesinambungan, diwarisi oleh negeri-negeri Melayu kemudiannya (bukan sahaja di dalam negara malah meliputi wilayah-wilayah lain di hampir seluruh Kepulauan Melayu), seterusnya diterapkan dalam nilai-nilai sebuah negara merdeka hingga hari ini. Penilaian dan pengaplikasian boleh dilihat terhadap aspek, geneologi pemerintah (juga mempengaruhi aspek daulat dan taat setia), pentadbiran, perundangan, adat-istiadat, ilmu dan bahasa, agama Islam, malahan pelbagai aspek sosio budaya yang berkait dengan perkembangan masyarakat. Tanpa memahami keseluruhan ketamadunan yang berkembang di dalam Kesultanan Melayu Melaka, sukar juga untuk memamahi perkembangan dalam negeri-negeri Melayu yang lain juga asas pembentukan negara yang merdeka hari ini. (Contohnya, kenapa/bagaimana Perlembagaan Persekutuan boleh memperuntukkan; Islam ialah agama bagi Persekutuan (Perkara 3), Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan (Perkara 152), peruntukan-peruntukan yang membabitkan kedudukan raja/YDPA (Perkara 32-42 dan Perkara 70) termasuk juga peruntukan istimewa Melayu (sebagai penduduk asal) (Perkara 89 dan 153). Memahami

perbincangan ini sebenarnya dapat melahirkan pelajar yang memenuhi kelima-lima ‘Kemahiran Pemikiran Sejarah’.

Lain-lain isu berbangkit tentang Kesultanan Melayu Melaka

Guru-guru hari ini turut berdepan dengan cabaran ledakan ilmu tanpa sempadan. Murid-murid sering terdedah dengan ilmu baru yang lahir, bercambah dan didebatkan. Justeru adalah juga wajar isu-isu yang tidak terkandung di dalam sukanan, turut diberi perhatian. Misalnya,

1. Isu tahun/tempoh pengasasan Kerajaan Melaka; 1400 atau 1262?
 - Rasional tarikh 1262. (Bagaimana lahir penemuan baru ini dan apakah kaedah penyelidikan sejarah yang digunakan)
 - Impak penerimaan tarikh ini kepada sejarah Malaysia seluruhnya.
 - Perbandingan sumber (contoh, sumber China dan Portugis – kedatangan Laksamana Cheng Ho ke Melaka?)
 - Isu anakronisme dalam *Sulalatus Salatin* (Contoh, perkahwinan Sultan Mansor Shah dengan Raden Galoh Chendera Kirana di era Patih Gajah Mada)
2. Sultan-sultan Melaka?
 - Geneologi – warisan dari raja-raja Alam Melayu.
 - Kaum dan agama
3. Episod kemerosotan/kejatuhan Melaka dan serangan Portugis ke atas Melaka;
 - Pengajaran (Isu perpaduan, kepimpinan, integriti, berpaling tada (tidak setia), tamak dan saling tolak ansur/percaya)
 - Kekuatan pertahanan Melaka: strategi, persenjataan, perkubuan.
 - Kesinambungan (berakhirnya kesultanan Melayu Melaka di bumi Melaka sahaja); geneologi, sistem berkerajaan, perundangan, adat istiadat, bahasa, agama, pemilihan lokasi.

Penutup

Mengambil tahu dan memahami sejarah Kesultanan Melayu Melaka bukanlah tanggung jawab guru dan murid-murid semata-mata. Boleh dikatakan, pengetahuan tentang kesultanan ini perlu ada pada seluruh rakyat Malaysia. Itulah cabaran yang dihadapi oleh negara apabila asas pendirian negara ini tidak difahami oleh semua rakyatnya. Selain itu, pembelajaran tentang subjek ini tidak boleh hanya bersifat mempelajari sesuatu yang telah berlaku tanpa dapat melihat manfaat darinya. Subjek kesultanan Melayu Melaka seharusnya boleh memenuhi aspirasi,

Penekanan kepada pembangunan sahsiah murid di samping pemupukan nilai-nilai keperibadian mulia dan semangat kewarganeraan dan dapat menjadikan pengajaran daripada sejarah sebagai iktibar untuk membina kesedaran kebangsaan serta cintakan negara.

Selain kandungan sukatan, bentuk aktiviti dan soalan yang perlu ditangani oleh guru dan pelajar juga seharusnya dapat memenuhi hasrat tersebut. Misalnya, jika aspek KBAT dikuasai dengan baik, ia akan menjadi satu alat yang berguna untuk membantu pelajar belajar, menggunakan potensi minda untuk menangani cabaran baru, melahirkan idea yang berna seterusnya dapat meningkatkan prestasi pencapaian dan memperbaiki kelemahan diri.

Cadangan Antara Sumber Rujukan Utama

A. Samad Ahmad, (penyelenggara), *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.

Abdul Rahman bin Ismail, Abdullah Zakaria bin Ghazali dan Zulkarnain bin Abdul Rahman, *Penemuan Tarikh Baru Pengasasan Empayar Kerajaan Melayu Melaka*, Melaka: IKSEP, 2012.

Abdullah Zakaria Ghazali, "Kesultanan Melaka, 1400-1511: Menjejaki Hubungan Sejarah di antara Melaka dengan Rokan, Inderagiri, Kampar dan Siak pada Kurun Ke-15 dan Ke-16", *Purba*, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, Bil. 23, 2004.

Abu Hassan Sham & Mariyam Salim, *Sastera Undang-Undang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

Al-Attas, Syed Naquib, “Notes on the opening of relations between China and Malacca, 1403-1405”, *JMBRAS*, vol. 38, pt. 1, 1965.

Andaya, L.Y. & Andaya, B.W., *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya: Macmillan Publishers (M) Sdn. Bhd. 1983.

Cheah Boon Kheng et. al (penyusun), *Sejarah Melayu, The Malay Annals, MS. Raffles No. 18*, The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1998.

Cortesao, A. (ed.), *The Suma Oriental of Tome Pires*, vol. 2, The Hanklyut, 1967.

Eredia, Emanuel Godinho de, “Eredia’s Description of Malacca”, *JMBRAS*, vol. 8, pt. 1, 1930.

Hall, K.R., *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia*, Sydney: George Allen and Unwin, 1985.

Hashim Musa dan Rohaidah Kamaruddin, *Hang Tuah Catatan Okinawa*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2015.

Kong Yuanzhi, *Pelayaran Zheng He dan Alam Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.

Liang Liji, *Hubungan Empayar Melaka – Dinasti Ming Abad ke-15*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996.

Liaw Yock Fang, *Undang-Undang Melaka. The Laws of Melaka*, The Hague, 1976.

Mardiana Nordin, “Undang-Undang Laut Melaka: A Note on Malay Maritime Law in the 15th Century”, *Memory and Knowledge of the Sea in Southeast Asia*, Monograph Series 3, Institute of Ocean and Earth Sciences, University of Malaya, Kuala Lumpur, 2008.

Mohd Jamil Mukmin, *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*, Melaka: IKSEP, 2004.

Muhammad Yusoff Hashim, “Daulat dalam Tradisi Budaya dan Politik Kesultanan Melayu Abad ke-15 dan Awal Abad ke-16: Antara Mitos dan Realiti” dalam *Sejarah*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994/95.

Muhammad Yusoff Hashim (penyelenggara), *Hang Tuah Wira Melayu*, Melaka: IKSEP, 2008.

Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.

Muhammad Yusoff Hashim (editor), *Kisah Melaka 1511*, Melaka: IKSEP, 2006.

Muhammad Yusoff Hashim, *Parameswara, Pengasas Empayar Melaka*, Melaka: IKSEP, 2005.

Muhammad Yusoff Hashim, *The Malay Sultanate of Malacca: A Study of Various Aspects of Malacca in the 15th and 16th centuries*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

Muhammad Yusoff Hashim (ed.), *Empayar Melaka Tradisi Agung Melayu*, Melaka: Kerajaan Negeri Melaka dan Perbadanan Muzium Melaka, 2010.

Pintado, M.J. (penterjemah), *Malacca Historical Events and the Moves of Sultan Mahamude from 1512 to 1515*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2012.

Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1), Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2008.

Portuguese Documents on Malacca, vol. 1, Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia, 1993.

Roelofz Meilink, M.A.P., *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago Between 1500 and about 1630*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1969.

Shellabear, W.G. (pengusaha), *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1990.

Sindhu, K.S. & Wheatley, P. 1983. *Melaka: The Transformation of Malay Capital, C1400-1980*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Syed Zulfida S.M. Noor, *Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka, Kemunculan dan Kegemilangan*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2006.

Wang Gangwu, “The First Three Rulers of Malacca”, *JMBRAS*, vol. XII, pt. 1, 1968.

Wheatley, Paul, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1966.

Wilkinson, R.J., “The Fall of Malacca”, *JMBRAS*, vol. 13, pt. 2, 1935.

Winstedt, R.O., and Josselin de Jong, P.E., “The Maritime Laws of Malacca”, *JMBRAS*, vol. 29, pt. 3, 1956.

Zainal Abidin Abdul Wahid, *Kesultanan Melayu Melaka*, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 2004.

Zainal Abidin Abdul Wahid, *Kesultanan Melayu Melaka: Pentadbiran Kuno atau Moden*, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 2008.